



**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

**ANUGERAH PENYELIDIKAN 2020**

# **GARIS PANDUAN PENCALONAN ANUGERAH PENYELIDIKAN KUIM 2020**

## **1. LATAR BELAKANG ANUGERAH PENYELIDIKAN**

- Anugerah penyelidikan merupakan pengiktirafan tertinggi KUIM kepada aktiviti penyelidikan di KUIM. Ia diwujudkan oleh pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Penyelidikan) bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada penyelidik yang telah menunjukkan kecemerlangan serta memberi sumbangan besar terhadap pembangunan dan peningkatan penyelidikan di KUIM.

## **2. KATEGORI ANUGERAH PENYELIDIKAN**

Anugerah Penyelidikan (Research Award)

- Anugerah Penyelidikan ialah anugerah yang diberikan kepada projek penyelidikan yang telah menunjukkan prestasi serta pencapaian cemerlang. Anugerah ini mengambilkira pengurusan projek yang baik, inovasi, keaslian dan kreativiti dalam menjalankan sesuatu projek. Kategori ini juga mengambilkira sumbangan penyelidikan terhadap pembangunan kepakaran dan ilmu secara menyeluruh selain pengiktirafan oleh pihak luar.

## **3 SYARAT KELAYAKAN PEMOHONAN ANUGERAH PENYELIDIKAN**

- Permohonan dibuka kepada semua penyelidik yang mempunyai projek yang telah tamat dan telah menghantar laporan dalam tahun yang dinilai.
- Projek yang dinilai hendaklah berdaftar dengan UPPI.
- Memberi keutamaan kepada projek penyelidikan yang mempunyai elemen “kelestarian”.
- Aktiviti penyelidikan adalah berdasarkan kepada projek penyelidikan sepanjang tempoh 2015-2019 (5 tahun)
- Penyelidikan tersebut hendaklah yang dijalankan semasa di bawah perkhidmatan KUIM.

#### **4. PROSEDUR PERMOHONAN PENCALONAN**

- Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang yang disediakan.
- **Permohonan perlu dikemukakan kepada Urusetia Anugerah sebelum tarikh tutup yang ditetapkan.**
- Keputusan Jawatankuasa Penilai adalah muktamad.



**KAEDAH PEMARKAHAN PENILAIAN ANUGERAH PENYELIDIKAN 2019**

<b>Kriteria</b>	<b>Kategori</b>	<b>Data</b>	<b>Hasil</b>	<b>Data Maksimum</b>	<b>Pemberat</b>	<b>Markah diperolehi</b>
<b>Jenis Geran (50%)</b>	Universiti		5%	2	10%	
	Kebangsaan		9%	2	18%	
	Industri		11%	2	22%	
<b>Kategori Penyelidik (30%)</b>	Ketua		5%	4	20%	
	Ahli		2%	5	10%	
<b>Nilai Geran Penyelidikan (20%)</b>	>RM 500		2%	2	4%	
	RM 5001 – RM 20 000		2%	3	6%	
	Melebihi RM 20000		10%	1	10%	